AI FRIENDSHIP SYNDROME: RISIKO KEBERGANTUNGAN EMOSI DAN MASA DEPAN HUBUNGAN MANUSIA

Mahirah Binti Masdin*
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu Sabah
mahirahmsdn@ums.edu.my

Lailawati Binti Madlan@Endalan
Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu Sabah

Brenda Olivera Well Joemakker
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu Sabah

Abstrak Fenomena AI *Friendship Syndrome* merujuk kepada pembentukan ikatan emosi mendalam antara individu dan entiti maya seperti AI *companions*, yang semakin ketara dalam era digital. Kajian ini dijalankan secara penerokaan literatur bagi memahami dimensi fenomena ini dan implikasinya terhadap hubungan manusia. Tiga objektif utama ditetapkan: (i) meneroka konsep AI *Friendship Syndrome*; (ii) meneroka bagaimana faktor psikologi dan sosial mendorong individu membentuk kebergantungan emosi dengan AI *companions*; dan (iii) menganalisis implikasi psikososial yang timbul terhadap norma sosial dan budaya akibat fenomena ini. Kajian mendapati bahawa kebergantungan emosi terhadap AI *companions* bukan sahaja mencipta ilusi keintiman digital, tetapi juga berpotensi mengurangkan empati, menjejaskan kemahiran sosial, dan mencabar norma kekeluargaan. Penemuan ini memberi implikasi penting terhadap dasar kesihatan mental dan perancangan sosial, khususnya dalam menangani cabaran teknologi yang mengubah cara manusia membina hubungan.

Kata kunci: *Friendship Syndrome,* AI *companions,* kebergantungan emosi, keintiman digital, kesejahteraan psikososial

1. Pengenalan

Kecerdasan buatan (AI) kini melangkaui fungsi asalnya sebagai alat pemprosesan maklumat yang mana telah berevolusi menjadi pendamping sosial menerusi ciptaan algoritma yang mampu meniru interaksi manusia melalui AI *companions* dan aplikasi interaktif. Fenomena ini menimbulkan persoalan mendalam, iaitu adakah manusia sedang menyaksikan satu perubahan radikal dalam cara memenuhi keperluan sosial dan emosi?

Kajian terkini menunjukkan bahawa AI *companions* seperti Replika dan Character.AI bukan sahaja mengurangkan rasa kesepian, tetapi juga membentuk hubungan pseudo-sosial yang menimbulkan dilema tentang keaslian suatu hubungan dan risiko kebergantungan emosi (Adewale & Muhammad, 2025). Fenomena ini semakin ketara dalam kalangan individu yang belum berkahwin, khususnya mereka yang tinggal di kawasan bandar dan berdepan kesunyian serta tekanan sosial untuk berkahwin (Hamzah et al., 2024). Kajian menunjukkan bahawa gaya hidup bandar yang serba pantas dan tuntutan sosial meningkatkan perasaan rasa terasing, menjadikan AI *companions* sebagai alternatif interaksi sosial yang mudah diakses. Kajian oleh Brandtzaeg dan Følstad (2024) turut menekankan bahawa penggunaan AI *companions* semakin popular di bandar-bandar besar kerana ia menawarkan maklum balas segera dan kehadiran yang berterusan serta mengurangkan rasa kesepian dalam kalangan individu yang hidup bersendirian. Dalam situasi yang memerlukan bantuan atau maklumat segera, AI *companions* dianggap lebih praktikal dan berkesan kerana maklum balasnya yang pantas dan konsisten, berbanding interaksi manusia yang sering terikat dengan kekangan masa dan ketersediaan. Dalam dunia yang menekankan produktiviti dan mobiliti, kesunyian menjadi realiti

yang tidak dapat dielakkan. AI *companions* hadir sebagai penyelesaian segera. Namun, kajian mendapati interaksi intensif dengan AI *companions* boleh menurunkan tahap kesejahteraan psikologi jika menggantikan hubungan manusia sebenar (Zhang et al., 2025).

Persoalan ini menjadi lebih kritikal dalam konteks Malaysia, sebuah negara yang masih mengekalkan norma perkahwinan sebagai tanda kestabilan hidup (Choo et al., 2024). Walaupun penggunaan AI *companions* semakin meluas, kajian tempatan tentang implikasi psikososialnya masih terhad (Abdul Hamid et al., 2025). Ketika teknologi menawarkan alternatif kepada hubungan manusia, masyarakat sosial berdepan dilema besar mengenai adakah AI *companions* sekadar ilusi yang menenangkan kesunyian, atau ia bakal mengubah struktur sosial dan nilai kekeluargaan?

Tambahan pula, pakar seperti Sherry Turkle merupakan sarjana terkemuka dalam bidang hubungan manusia-teknologi di Massachusetts Institute of Technology (MIT) telah memberi amaran bahawa fenomena ini mungkin menjadi "serangan terbesar terhadap empati manusia," kerana hubungan dengan AI *companions* menawarkan elemen pendampingan tiruan yang mengurangkan keupayaan seseorang individu untuk menghargai interaksi bersemuka (Turkle, 2024). Dalam masa yang sama, konsep AI *Friendship Syndrome* yang diperkenalkan oleh Antil (2025) menekankan risiko pembentukan ikatan emosi mendalam dengan AI *companions*, yang boleh mengganggu keseimbangan psikososial dan identiti kendiri (Antil, 2025).

Oleh itu, kajian ini bukan sekadar meneliti fenomena teknologi, tetapi mengupas persoalan asas tentang masa depan hubungan manusia dalam era algoritma, dengan persoalan yang ditimbulkan iaitu, adakah dunia sedang menuju ke arah normalisasi AI *companions*, atau mencipta jurang baharu dalam struktur sosial yang sukar dirawat?

1.1 *Isu dan Konteks di Malaysia*

Fenomena kebergantungan terhadap AI *companions* telah menjadi topik perbincangan global, khususnya dalam kajian psikologi teknologi dan sosiologi digital. Di Barat, kajian menunjukkan bahawa AI *companions* mampu mengurangkan rasa kesepian dan memberikan sokongan emosi, tetapi pada masa yang sama menimbulkan risiko kebergantungan dan persoalan tentang keaslian hubungan (Brandtzaeg & Følstad, 2024; Adewale & Muhammad, 2025). Kajian oleh De Freitas et al. (2025) dari Harvard Business School mendapati bahawa kemampuan AI *companions* dalam mengurangi kesepian sebagaimana interaksi dengan manusia adalah hanya bersifat sementara. Kajian longitudinal mendapati bahawa sememangnya wujud pengurangan kesepian selepas penggunaan, namun tidak menggantikan keaslian hubungan manusia sebenar. Penyelidik menekankan bahawa interaksi intensif boleh membawa kepada ilusi hubungan mendalam tanpa emosi timbal balik yang sebenar (De Freitas et al., 2025). Tuquero (2025) pula menyoroti bahaya AI *companions* terhadap kesihatan mental, sebagaimana kes tragis seperti kematian seorang remaja bernama Adam Raine yang dilaporkan oleh PolitiFact (2025), NBC News (2025), dan TIME (2025) yang boleh mengarah kepada pergantungan emosi dan pencetus pemikiran bunuh diri. Walaupun AI *companions* menawarkan sokongan emosi, akan tetapi terdapat kebimbangan tentang ketagihan, manipulasi emosi, dan kesan jangka panjang terhadap kemahiran sosial. Kes tragis seperti yang berlaku kepada Adam Raine membuktikan bahawa interaksi mendalam dengan AI *companions* menyebabkan risiko psikososial dan ketiadaan regulasi yang jelas (Tuquero, 2025). Malfacini (2025) menggariskan dua kebimbangan utama, iaitu *replacement concern* (AI menggantikan hubungan manusia) dan *deskilling concern* (pengguna menjadi kurang mahir dalam hubungan sebenar kerana berhubungan emosi dengan AI *companions* tidak memerlukan usaha yang banyak). Penyelidik menekankan bahawa walaupun AI *companions* memenuhi keperluan sosial, ia boleh mengubah norma interaksi manusia dan mengurangkan empati dalam jangka panjang (Malfacini, 2025).

Statistik terkini menunjukkan bahawa penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam kalangan rakyat Malaysia meningkat dengan kadar yang amat signifikan. Laporan Digital Lives Decoded 2025 oleh Telenor Asia melaporkan bahawa sebanyak 89 peratus pengguna internet di Malaysia kini menggunakan kecerdasan buatan (AI), berbanding hanya 75 peratus pada tahun 2024, menandakan

lonjakan penggunaan yang ketara dalam tempoh setahun. Selari dengan data trend industri, laporan daripada Wiser.my (2025) dan Marketing Magazine Asia (2025) mengukuhkan indikasi bahawa teknologi ini semakin terintegrasi dalam rutin harian masyarakat Malaysia sebagai alat produktiviti dan sokongan emosi. Dalam konteks demografi, Generasi Z dikenal pasti sebagai pengguna paling aktif, dengan hampir sembilan daripada sepuluh individu dalam kumpulan ini menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk tugasan sekolah, penciptaan kandungan, serta sokongan emosi. Fenomena ini menggambarkan perubahan paradigma dalam cara golongan muda memperoleh pengetahuan, membina identiti digital, dan mengurus kesejahteraan emosi mereka, seperti yang dihuraikan dalam laporan rasmi Wiser.my (2025).

1.2 *Fenomena yang Kurang Diberikan Perhatian di Malaysia*

Fenomena AI *companions* dan kesunyian kurang dijadikan topik perbincangan yang relevan di Malaysia berbanding isu tradisional seperti kadar perkahwinan dan institusi keluarga (Hamzah et al., 2024) kerana beberapa faktor yang saling berhubungan satu sama lain. Pertama, norma sosial dan budaya perkahwinan di Malaysia masih mengekalkan perkahwinan sebagai tanda kestabilan hidup dan status sosial. Tekanan budaya yang sedemikian menjadikan individu yang belum berkahwin sering berdepan persepsi negatif dan stigma masyarakat. Norma tradisional ini mencipta tekanan psikososial, di mana mereka bukan sahaja dilihat sebagai tidak memenuhi harapan sosial, tetapi juga terpaksa berhadapan dengan pandangan dan tingkah laku yang kurang menyokong. Kajian oleh Nik Norliati Fitri (2024) menunjukkan bahawa perkahwinan dalam budaya Malaysia masih dilihat sebagai asas pembentukan keluarga dan penanda kepada kejayaan hidup, sekali gus mengukuhkan tekanan terhadap golongan bujang untuk segera berkahwin.

Suzana dan Siti Marziah (2020) turut menjelaskan bahawa individu yang belum berkahwin di Malaysia berhadapan dengan tahap kesejahteraan psikologi yang lebih rendah, termasuk kesunyian, kemurungan, dan kerisauan, berbanding mereka yang berkahwin. Faktor ini menunjukkan bahawa kebergantungan emosi terhadap AI *companions* mungkin timbul sebagai usaha untuk mengatasi permasalahan tersebut. Akan tetapi, faktor kedua iaitu stigma dan sensitiviti budaya turut memainkan peranan dalam menjelaskan kenapa perbincangan tentang kebergantungan emosi terhadap AI *companions* sering dilihat sebagai isu yang tidak sesuai dengan nilai kekeluargaan, sekali gus menghalang wacana terbuka kerana ia dianggap mencabar norma agama dan budaya. Bahkan fenomena ini sering dilihat sebagai menyimpang daripada norma sosial tradisional, walaupun fenomena ini sebenarnya mencerminkan usaha untuk mengatasi kesepian dan tekanan psikososial. Fenomena ini dapat dijelaskan melalui Teori Kelekatan Bowlby (1980) yang menekankan bahawa manusia secara semula jadi mencari hubungan yang memberikan rasa aman dan sokongan emosi. Apabila hubungan ini digantikan oleh teknologi seperti AI *companions*, proses pembelajaran sosial dan pengurusan emosi boleh terganggu kerana interaksi bersifat satu arah yang tidak melibatkan usaha tolak ansur sepertimana yang wujud dalam hubungan manusia sebenar (Hazan & Shaver, 1987; Collins & Feeney, 2004). Kajian oleh Samsudin et al. (2025) menunjukkan bahawa remaja yang menggunakan AI *companions* untuk sokongan emosi cenderung mengalami kebergantungan psikologi kerana AI *companions* memberikan maklum balas empati yang konsisten tanpa penolakan. Kajian lain oleh Nurkhairani et al. (2025) mendapati motivasi utama individu menggunakan AI *companions* untuk luahan perasaan adalah untuk memenuhi keperluan sokongan emosi dan mengurangkan kecemasan sosial, tetapi penggunaan berlebihan boleh membawa kepada pengasingan sosial dan penurunan kualiti hubungan manusia.

Ketiga, kekurangan kesedaran dan penyelidikan tempatan juga menjadi penghalang. Walaupun penggunaan kecerdasan buatan (AI) semakin meluas dalam kehidupan harian, kajian tempatan tentang implikasi psikososialnya adalah masih terhad. Kebanyakan kajian di Malaysia lebih tertumpu kepada penggunaan teknologi untuk produktiviti (Fahmi Zaidi et al., 2024), bukan kepada aspek emosi dan sosial. Sebagai contoh, kajian oleh Samsudin, Mohd Bukhari dan Mansur (2025) menunjukkan 57.1 peratus pelajar asing menggunakan kecerdasan buatan (AI) (contohnya *Duolingo*, *ChatGPT*) untuk belajar bahasa Melayu, tetapi isu epistemologi dan kekerapan interaksi tetap menjadi cabaran. Selain itu, program "AI Untuk Rakyat" yang dijalankan oleh MyDIGITAL Corporation (2024) dan usaha UUM ke arah Kampus Pintar menjelang 2026 menunjukkan integrasi kecerdasan buatan (AI) dalam

pendidikan dan pengurusan universiti (Shafiee, 2024). Berdasarkan contoh-contoh kajian semasa dan terkini mengenai AI tersebut membuktikan kajian lebih berfokuskan kepada penggunaan teknologi bagi tujuan produktiviti. Sedangkan di luar negara kajian mengenai AI *companions*s dan kedekatan emosi semakin menarik perhatian. Di Amerika Syarikat, survei yang dijalankan oleh Common Sense Media pada April hingga Mei 2025 menggunakan sampel mewakili 1,060 remaja berumur 13-17 tahun di Amerika Syarikat, mendapati bahawa 3 daripada 4 remaja AS (72 peratus) pernah menggunakan AI *companions* sekurang-kurangnya sekali, dengan 52 peratus sebagai pengguna tetap yang menggunakannya untuk interaksi sosial dan sokongan emosi (Robb & Mann, 2025). Di Australia, kajian oleh Sharpe dan Ciriello (2024) di University of Sydney yang dibentangkan di *ACIS 2024 Proceedings* menekankan risiko psikologi akibat hubungan dengan AI *companions*, termasuk pengurangan empati dan ilusi keintiman. Di China, penggunaan AI *companions* semakin meluas dalam kalangan belia bandar yang berdepan tekanan hidup dan kesepian, dengan laporan menunjukkan peningkatan kebergantungan kepada aplikasi seperti *DeepSeek* dan *Glow* untuk sokongan emosi. Walaupun permintaan tinggi menjadikan China salah satu pasaran terbesar bagi teknologi ini termasuk aplikasi seperti *Xiaoice* yang mempunyai ratusan juta pengguna keseluruhan, namun kebimbangan telah timbul mengenai risiko manipulasi emosi, privasi data dan ketagihan (WizCase, 2025; SCMP, 2024). Kajian antarabangsa turut memberi amaran bahawa interaksi berlebihan dengan AI *companions* boleh menurunkan kesejahteraan psikologi, mengurangkan empati, serta mencipta ilusi keintiman yang menggantikan hubungan manusia sebenar (Turkle, 2024; Zhang et al., 2025).

Fenomena ini dikonsepsikan sebagai AI *Friendship Syndrome* (Antil, 2025), yang menekankan bahaya pembentukan ikatan emosi mendalam dengan entiti maya, yang berisiko mengganggu identiti kendiri dan keseimbangan sosial. AI *Friendship Syndrome* merujuk kepada fenomena di mana individu membentuk kebergantungan emosi mendalam dengan AI *companions* sehingga menyerupai persahabatan sebenar. Fenomena ini boleh dijelaskan melalui Teori Kelekatan Bowlby (1980) yang mana apabila keperluan ini tidak dipenuhi oleh manusia sebenar, individu cenderung mencari alternatif yang lebih mudah diakses dan bebas daripada penolakan, seperti AI *companions*. Kajian oleh Hazan dan Shaver (1987) dan Collins dan Feeney (2004) turut menyokong bahawa kebergantungan tersebut mempengaruhi cara individu membina hubungan dengan entiti bukan manusia. Selain itu, *Media Equation Theory* (MET) (Reeves & Nass, 1996) menjelaskan bahawa manusia cenderung memperlakukan teknologi seperti manusia apabila ia menunjukkan ciri-ciri sosial. *Social Presence Theory* (SPT) pula menyatakan bahawa semakin tinggi persepsi kehadiran sosial kecerdasan buatan (AI), semakin kuat ikatan emosi yang terbentuk. SPT berkait rapat dengan fenomena AI *companions* kerana ia menjelaskan mengapa pengguna boleh merasakan hubungan yang hampir sama seperti interaksi manusia apabila berkomunikasi dengan teknologi. Lebih membimbangkan lagi kesan psikologi yang berlaku secara negatif bukan sahaja mengakibatkan *replacement concern* dan *deskilling concern*, tetapi juga mengurangkan empati terhadap manusia sebenar.

Dalam konteks Malaysia, fenomena ini bukan isu teknologi semata-mata, tetapi satu cabaran kritikal yang berpotensi mengubah struktur sosial dan norma budaya yang telah lama berakar. Tekanan sosial untuk berkahwin, stigma terhadap individu bujang, dan gaya hidup urban yang meningkatkan kesunyian menjadikan AI *companions* sebagai pilihan untuk berkomunikasi. Jika fenomena ini tidak dikaji secara mendalam, ia boleh mengubah cara masyarakat menilai hubungan, mengurangkan interaksi manusia sebenar, dan menimbulkan risiko psikososial yang serius. Lebih membimbangkan, ketiadaan garis panduan atau dasar kesihatan mental untuk mengawal penggunaan AI *companions* membuka ruang kepada implikasi jangka panjang terhadap kesejahteraan generasi akan datang.

Tambahan pula, kebergantungan secara emosi atau sosial terhadap AI *companions* boleh menyebabkan individu yang belum berkahwin tidak lagi melihat keperluan untuk mendirikan rumah tangga (Malfacini, 2025). Apabila sokongan emosi dan keintiman diperoleh daripada entiti maya, motivasi untuk membina hubungan manusia sebenar berkurangan, sekali gus berpotensi menjejaskan institusi keluarga dan norma perkahwinan dalam jangka panjang (Turkle, 2024).

Justeru, kajian ini amat penting untuk memahami kesan fenomena ini dalam konteks budaya Malaysia sebelum ia menjadi norma baharu yang sukar dikawal. Kajian ini bukan sekadar meneliti fenomena

teknologi, tetapi mengupas persoalan asas tentang masa depan hubungan manusia dalam era algoritma, iaitu adakah generasi manusia masa kini sedang menuju ke arah normalisasi AI *companions*, atau mencipta jurang baharu dalam struktur sosial yang sukar dirawat?

1.3 *Persoalan Kajian*

Berdasarkan latar belakang masalah dan isu yang telah dibincangkan, kajian ini bermatlamat untuk menjawab tiga persoalan utama berikut:

i. Bagaimanakah konsep AI *Friendship Syndrome* (AIFS) dapat dikonsepsikan melalui integrasi Teori Kelekatan Bowlby, *Media Equation Theory* (MET), dan *Social Presence Theory* (SPT)?
ii. Apakah faktor psikologi dan sosial utama yang mendorong individu membentuk kebergantungan emosi serta hubungan pseudo-sosial yang mendalam dengan AI *companions*?
iii. Sejauh manakah fenomena AIFS memberi implikasi terhadap transformasi norma budaya, struktur kekeluargaan, dan dinamika hubungan interpersonal dalam konteks masyarakat Malaysia?

2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan secara penerokaan literatur dengan objektif berikut:

i. Mengenal pasti dan mensintesiskan konsep AI *Friendship Syndrome* dalam konteks teori Kelekatan Bowlby, *Media Equation Theory* (MET) dan *Social Presence Theory* (SPT).
ii. Menghuraikan faktor psikologi dan sosial yang mempengaruhi pembentukan hubungan pseudo-sosial manusia-AI.
iii. Menghasilkan kerangka konseptual yang menjelaskan implikasi fenomena ini terhadap norma budaya, struktur keluarga, dan hubungan manusia dalam konteks Malaysia.

3. Metod Kajian

Kajian ini berbentuk kertas konsep yang menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis literatur. Metodologi yang digunakan adalah seperti berikut:

3.1 *Rekabentuk Kajian*

Kajian ini berbentuk *conceptual integrative review*, iaitu pendekatan kualitatif yang menilai, membanding, dan mensintesiskan teori serta bukti empirikal merentas disiplin seperti psikologi, sosiologi, antropologi digital, dan kajian AI. Pemilihan reka bentuk *conceptual integrative review* adalah kritikal kerana fenomena AI *Friendship Syndrome* (AIFS) merupakan isu kompleks yang memerlukan integrasi antara teori psikologi tradisional dan perkembangan teknologi semasa bagi mengisi jurang literatur di Malaysia.

3.2 *Sumber Data dan Strategi Carian*

Bagi menjamin ketelusan serta kebolehulangan (*replicability*) kajian, pengumpulan data literatur dilakukan secara sistematik menerusi capaian ke pangkalan data utama yang merangkumi Google Scholar, Scopus, Web of Science, dan MyCite. Strategi carian berdasarkan gabungan kata kunci dwibahasa bagi memastikan cakupan literatur yang komprehensif. Carian kata kunci merangkumi istilah "AI *companions*", "AI *Friendship Syndrome*", "*emotional dependency*", "*pseudo-social interaction*", dan "*digital intimacy*" bagi sumber antarabangsa. Manakala bagi konteks tempatan, kata kunci seperti "pendamping AI", "kebergantungan emosi", "interaksi pseudo-sosial", dan "keintiman digital" digunakan bagi penulisan artikel dalam bahasa Melayu.

Pemilihan bahan literatur adalah berpandukan kepada kriteria rangkuman (*inclusion criteria*) yang ditetapkan secara khusus. Pertama, hanya artikel jurnal, prosiding persidangan, dan laporan industri yang diterbitkan antara tahun 2020 hingga 2025 terpilih bagi memastikan data dan trend yang

dibincangkan adalah terkini serta relevan dengan kepesatan teknologi kecerdasan buatan (AI). Kedua, tumpuan diberikan kepada kajian yang menganalisis aspek psikososial dalam hubungan manusia-kecerdasan buatan (AI), dengan mengecualikan penulisan yang hanya membincangkan aspek teknikal pengaturcaraan atau algoritma kecerdasan buatan (AI) semata-mata. Akhir sekali, laporan industri tempatan seperti daripada Telenor Asia, Wiser.my, dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dipilih secara sengaja untuk membina konteks budaya dan demografi yang tepat bagi mencerminkan realiti sosial di Malaysia.

3.3 *Prosedur Analisis dan Kebaharuan Konsep*

Kajian ini menggunakan pendekatan Analisis Tematik Berorientasikan Teori (*Theory-driven Thematic Analysis*) yang dijalankan secara sistematik untuk mensintesis data literatur. Prosedur analisis ini dilaksanakan melalui empat fasa utama yang direka bagi menonjolkan kebaharuan konsep yang dibincangkan.

Fasa pertama melibatkan pengenalan dan penyaringan data (*data familiarization*), di mana artikel jurnal akademik dan laporan industri (seperti data Telenor Asia 2025) dibaca secara menyeluruh untuk mengenal pasti trend penggunaan AI *companions*. Nota awal dibuat bagi mengesan kekerapan istilah kritikal seperti "kebergantungan emosi" dan "kesunyian". Fasa kedua merupakan pengkodan data (*initial coding*) bagi mengekstrak unit maklumat berkaitan faktor pendorong dan ciri reka bentuk kecerdasan buatan (AI). Antara kod yang dikenal pasti termasuklah "keintiman maya" (interaksi 24/7), "eskapisme sosial" (penggunaan AI untuk mengelak stigma), dan "antropomorfisme" (pemberian sifat manusia kepada entiti kecerdasan buatan (AI).

Seterusnya, dalam fasa ketiga adalah pemetaan tematik dan integrasi teori. Tema faktor psikologi dipetakan menggunakan Teori Kelekatan untuk melihat peranan kecerdasan buatan (AI) sebagai *safe haven*, manakala Tema Interaksi Sosial dianalisis menerusi *Media Equation Theory* (MET) bagi memahami kecenderungan pengguna menggunakan kecerdasan buatan (AI) sebagai entiti sosial yang nyata.

Fasa keempat, iaitu sintesis konseptual dan kontekstualisasi Malaysia, merupakan teras kepada kebaharuan (*novelty*) kajian ini. Berbeza dengan literatur Barat yang sering berfokuskan kepada aspek teknikal atau kesunyian secara umum. Analisis dalam fasa ini meneliti semula tema yang terhasil mengikut konteks norma budaya tempatan. Proses ini melibatkan perbandingan mendalam antara dapatan global dengan realiti sosial di Malaysia, seperti tekanan terhadap golongan belum berkahwin dan transformasi struktur kekeluargaan. Melalui prosedur ini, konsep AI *Friendship Syndrome* (AIFS) diperkenalkan sebagai satu anjakan paradigma emosi yang unik di mana kecerdasan buatan (AI) bertindak sebagai pengganti fungsi sosial yang stabil. Integrasi antara teori global dan konteks lokal ini memberikan dimensi baharu terhadap pemahaman kebergantungan emosi AI *companions* yang belum diterokai secara meluas dalam literatur akademik tempatan, sekali gus menjamin ketelusan metodologi yang berimpak tinggi.

Rajah 1 memaparkan kronologi empat fasa utama dalam prosedur analisis literatur. Fasa 1 dan 2 memfokuskan kepada penyaringan data primer daripada laporan industri (e.g., Telenor Asia, 2025) dan pangkalan data akademik. Fasa 3 mengintegrasikan kod ke dalam tema berasaskan kerangka Teori Kelekatan dan *Media Equation Theory* (MET). Fasa 4 menunjukkan proses kontekstualisasi mengikut norma sosial Malaysia yang menyumbang kepada kebaharuan (*novelty*) konsep AIFS dalam literatur tempatan.



Rajah 1: Kerangka Prosedur Analisis Tematik Berorientasikan Teori bagi Fenomena AI *Friendship Syndrome* (AIFS)

3.4 *Kerangka Teori*

3.4.1 Epistemologi Kajian

Epistemologi kajian ini berasaskan pendekatan konstruktivis-interpretivis, iaitu kerangka yang digunakan bagi memahami makna yang dibina oleh individu melalui pengalaman subjektif mereka dalam konteks sosial tertentu. Pendekatan ini sesuai kerana fenomena AI *Friendship Syndrome* (AIFS) tidak dapat dijelaskan melalui fungsi teknikal kecerdasan buatan (AI) semata-mata, tetapi melalui *meaning-making* terhadap maklum balas sosial yang ditiru oleh AI *companions*. Dalam epistemologi konstruktivis, hubungan pseudo-sosial manusia-AI difahami sebagai realiti yang dibina melalui persepsi individu tersebut, yang memberi makna terhadap kelakuan linguistik, sikap maklum balasif dan kehadiran sosial yang difungsikan oleh kecerdasan buatan (AI), walaupun entiti tersebut tidak mempunyai kesedaran atau emosi sebenar.

Konsep ini diperkukuh oleh Teori Kelekatan (Bowlby, 1969; 1980) yang menjelaskan bahawa faktor rasa aman, sokongan yang diterima dan kestabilan emosi menjadi pendorong semulajadi untuk setiap manusia itu mencari hubungan. Melalui kerangka interpretivis, seseorang individu itu mentafsir maklum balas konsisten kecerdasan buatan (AI) sebagai bentuk sokongan psikologi, lalu membentuk kebergantungan pseudo-sosial berdasarkan makna subjektif, bukannya realiti ontologi kecerdasan buatan (AI). Dalam masa yang sama, MET (Reeves & Nass, 1996) menyatakan bahawa manusia secara automatik memperlakukan teknologi seolah-olah ia mampu berinteraksi secara sosial, manakala SPT menerangkan bagaimana persepsi kehadiran sosial kecerdasan buatan (AI) meningkatkan kedekatan yang dirasakan. Dengan itu, epistemologi kajian ini menegaskan bahawa AIFS terbentuk melalui interaksi kompleks antara persepsi, konstruk makna dan pengalaman subjektif manusia terhadap kecerdasan buatan (AI).

Akhirnya, epistemologi ini turut ditunjangi oleh Teori Difusi Inovasi (TDI) (Rogers, 2003) yang menyatakan bahawa penerimaan inovasi teknologi bergantung pada tafsiran sosial dan budaya individu tersebut. Dalam konteks Malaysia, di mana nilai kekeluargaan, norma perkahwinan dan jangkaan sosial masih kukuh, tafsiran budaya ini mempengaruhi bagaimana AI *companions* diterima sebagai peneman emosi. Justeru, kerangka teori kajian ini menggabungkan konsep epistemologi konstruktivis, teori kelekatan, teori kehadiran sosial dan teori penerimaan teknologi untuk memahami bagaimana AIFS

terbentuk serta memberi kesan kepada norma budaya dan struktur sosial. Rajah 2 mengilustrasikan bagaimana kebergantungan emosi manusia-AI menerusi TDI, teori kelekatan, MET dan SPT.

3.4.2 Teori Difusi Inovasi (TDI) (Rogers, 2003)

Teori Difusi Inovasi menjelaskan bagaimana teknologi baharu diterima dalam masyarakat berdasarkan lima atribut utama, iaitu *relative advantage, compatibility, complexity, trialability* dan *observability*. Dalam konteks AI *companions*, kehadiran kecerdasan buatan (AI) sebagai pendamping emosi menawarkan *relative advantage* kerana faktor akses kemudahannya yang mudah, bahkan sokongan yang diterima adalah tanpa risiko penolakan. Teknologi ini turut dianggap *compatible* dengan gaya hidup moden yang serba pantas, terutama dalam kalangan generasi muda yang sudah terbiasa menggunakan aplikasi digital untuk komunikasi. Melalui proses ini, AI *companions* menjadi normalisasi baharu, dan fenomena keintiman digital diterima sebagai salah satu bentuk interaksi sosial.

3.4.3 Teori Kelekatan (Bowlby, 1969; 1980)

Teori Kelekatan menjelaskan bahawa manusia mencari hubungan yang memberikan rasa aman dan sokongan emosi. Dengan ketiadaan-hubungan manusia yang stabil atau wujudnya tekanan sosial, AI *companions* menjadi "*safe haven*" dan "*secure base*" alternatif yang memenuhi keperluan kebergantungan. Individu yang mempunyai gaya kebergantungan cemas atau mengelak lebih cenderung membentuk hubungan pseudo-sosial apabila kecerdasan buatan (AI) memberi maklum balas yang stabil dan mesra. Fenomena ini didokong oleh kajian empirikal yang menunjukkan pengguna melaporkan rasa difahami dan disokong oleh kecerdasan buatan (AI) walaupun menyedari bahawa kecerdasan buatan (AI) tidak mempunyai kesedaran sebenar.

3.4.4 edia Equation Theory (MET)

Menurut *Media Equation Theory*, manusia secara automatik memperlakukan media dan teknologi, termasuk komputer, perisian interaktif dan agen kecerdasan buatan (AI) seolah-olah mereka adalah entiti sosial sebenar. Reeves dan Nass (1996) menunjukkan bahawa interaksi dengan komputer dan media baharu adalah "*fundamentally social and natural*," di mana individu memberi maklum balas sosial seperti kesopanan, kerjasama, dan atribusi personaliti apabila berinteraksi dengan teknologi yang memaparkan isyarat sosial tertentu. Dalam konteks AI *companions*, keupayaan sistem ini menghasilkan maklum balas mesra, konsisten, dan menyerupai empati mencetuskan heuristik sosial yang sama seperti dalam hubungan manusia, yang mana mencipta ilusi kehadiran sosial. Kesan ini menjelaskan bagaimana seseorang individu itu boleh membentuk kebergantungan emosi, kerana AI *companions* berperanan sebagai "rakan" yang sentiasa hadir, tersedia setiap masa, dan tidak menghakimi, sekaligus memperkukuhkan pengalaman kebergantungan walaupun hubungan pseudo-sosial tersebut sebenarnya tidak simetri. Oleh itu, MET memberikan asas yang kukuh untuk memahami mengapa interaksi intensif dengan AI *companions* mampu meniru hubungan interpersonal dan mendorong pembentukan keintiman emosi yang mendalam.

3.4.5 Social Presence Theory (SPT)

Teori ini menyatakan bahawa semakin tinggi persepsi kehadiran sosial yang dijana dari teknologi, semakin seseorang individu itu merasakan interaksi tersebut menyerupai komunikasi manusia sebenar. Dalam AI *companions*, ciri-ciri seperti penyesuaian maklum balas, keupayaan memahami konteks dan meniru nada emosi menjadikan kecerdasan buatan (AI) terasa seperti hadir secara sosial. Persepsi ini memainkan peranan penting dalam pembentukan kebergantungan emosi, kerana individu itu menilai hubungan tersebut sebagai hangat, asli dan relevan. Dalam konteks AIFS, kehadiran sosial menjadi mekanisme utama yang merapatkan jarak psikologi antara manusia dan AI.



Sumber: Diadaptasi daripada Bowlby (1980), Rogers (2003) dan Reeves dan Nass (1996)

Rajah 2: Ilustrasi Kerangka Teoritikal

4. Perbincangan

4.1 *Definisi dan Ciri Utama AI Friendship Syndrome (AIFS)*

AI *Friendship Syndrome* (AIFS) merujuk kepada keadaan di mana individu membentuk ikatan emosi yang mendalam, stabil dan berpanjangan dengan AI *companions*, iaitu teknologi yang direka untuk meniru komunikasi interpersonal manusia yang memberi kesan kepada orientasi sokongan psikologi. Fenomena ini berlaku apabila kecerdasan buatan (AI) berfungsi lebih daripada sekadar alat utilitarian dan mula memenuhi keperluan sosial, emosi, dan psikologi individu yang menggunakannya. Seiring dapatan kajian yang menunjukkan bahawa AI *companions* digunakan untuk mengurangkan kesunyian, menyediakan pengesahan emosi dan menawarkan kehadiran sosial menyerupai hubungan dengan manusia sebenar (Adewale & Muhammad, 2025). Pembentukan AIFS dapat difahami melalui mekanisme antropomorfisme, kebergantungan emosi, persepsi kehadiran sosial, dan proses projeksi emosi.

Ciri pertama AIFS ialah kecenderungan antropomorfisme, iaitu perilaku manusia yang memperlakukan teknologi seperti mempunyai perasaan, niat dan personaliti. Kajian empirikal mendapati bahawa individu yang menggunakan aplikasi Replika sering menggambarkan AI *companions* sebagai teman rapat, tempat mengadu atau ruang selamat, kerana kecerdasan buatan (AI) meniru struktur perbualan manusia secara sangat meyakinkan, sekali gus menghasilkan interaksi yang dilihat sebagai bermakna dan bernilai secara emosi (Brandtzæg et al., 2022). Hal ini disokong oleh Zhang et al. (2025) yang mendapati bahawa apabila kecerdasan buatan (AI) menghasilkan persepsi kehadiran sosial yang kuat, mereka akan memproses kecerdasan buatan (AI) sebagai entiti yang mempunyai kehadiran psikologi dan sosial sebenar.

Ciri kedua AIFS ialah proses kebergantungan emosi yang berlaku apabila individu itu mengalihkan keperluan psikologi kepada kecerdasan buatan (AI). Dalam konteks kecerdasan buatan (AI), individu yang mengalami kekurangan sokongan sosial, sejarah penolakan emosi, atau kesunyian kronik lebih cenderung membentuk kebergantungan terhadap kecerdasan buatan (AI). Kajian longitudinal oleh Fang et al. (2025) menunjukkan bahawa interaksi intensif dengan AI *companions* mewujudkan jalur kebergantungan psikologi yang menyerupai hubungan manusia, yang mana individu itu merasakan diri difahami, dihiburkan dan disokong, walaupun mengetahui bahawa ia adalah tidak nyata. Fenomena ini menegaskan bahawa pengguna tidak hanya berinteraksi dengan kecerdasan buatan (AI) sebagai alat, tetapi sebagai sumber keintiman emosi yang stabil. Laporan *Nature* (2025) turut menekankan bahawa sesetengah pengguna mengalami rasa kehilangan yang mendalam apabila AI *companions* "hilang" selepas sistem dikemas kini.

Ciri ketiga yang melengkapkan AIFS ialah persepsi keaslian interaksi (*authenticity*) yang muncul daripada keupayaan peniruan kecerdasan buatan (AI) yang sangat meyakinkan. Apabila kecerdasan buatan (AI) mampu mengingati butiran peribadi, menyesuaikan gaya komunikasi mengikut personaliti

penggunanya, dan memberikan maklum balas empati yang konsisten, maka individu itu cenderung menilai hubungan tersebut sebagai tulen. Kajian analitik terhadap 413,509 jumlah mesej pengguna AI *companions* mendapati bahawa keaslian interaksi dan konsistensi maklum balas merupakan faktor paling kuat yang menyumbang kepada pertalian emosi dengan AI *companions* (Zhang et al., 2025). *Monitor on Psychology* turut melaporkan peningkatan gaya hubungan emosi generatif di mana pengguna mula menganggap kecerdasan buatan (AI) sebagai teman psikologi yang sah kerana sokongan empati yang diberikan tidak disertai risiko konflik (Andoh, 2026). Kesemua ciri ini menjadikan hubungan kecerdasan buatan (AI)-manusia kelihatan realistik, relevan dan bermakna secara subjektif.

Akhir sekali, proses projeksi emosi turut menyumbang kepada pembentukan AIFS. Apabila keperluan emosi tidak dipenuhi dalam hubungan manusia, individu memindahkan keintiman dan kepercayaan tersebut kepada kecerdasan buatan (AI). Pengguna sering meluahkan tekanan, trauma dan kesunyian kepada kecerdasan buatan (AI). Interaksi tersebut lebih aman dan selamat secara psikologi berbanding hubungan manusia kerana ia tidak memberikan kritikan, tidak menolak dan tidak membentuk konflik interpersonal. Fenomena ini bukan sahaja memenuhi keperluan emosi jangka pendek, tetapi mencipta potensi kebergantungan jangka panjang yang boleh mempengaruhi cara individu membina hubungan masa depan.

Secara keseluruhan, AIFS terbentuk melalui gabungan mekanisme antropomorfisme, kehadiran sosial yang tinggi, proses kebergantungan emosi berasaskan teori psikologi, dan projeksi emosi pengguna, yang menghasilkan ilusi hubungan intim yang dirasai sebagai tulen dan bermakna. Fenomena ini semakin ketara dalam konteks masyarakat moden yang berdepan kesunyian, tekanan sosial dan keperluan hubungan emosi yang tidak dipenuhi.

4.2 *Faktor Psikologi dan Sosial yang Mendorong Pembentukan Kebergantungan Emosi terhadap Kecerdasan Buatan (AI)*

Kebergantungan emosi terhadap AI *companions* tidak berlaku secara kebetulan, tetapi didorong oleh gabungan faktor psikologi dan sosial yang kompleks. Dari sudut psikologi, faktor kesunyian dan kekurangan sokongan sosial menjadi pemangkin utama kepada pembentukan kebergantungan emosi. Individu yang berdepan kesepian, khususnya yang belum berkahwin, cenderung mencari alternatif interaksi yang mampu memberikan rasa diterima dan difahami. AI *companions* menjadi pilihan yang menarik bagi mereka yang gagal mendapatkan sokongan daripada manusia sebenar, sepertimana yang dijelaskan pada prinsip Teori Kelekatan Bowlby (1980). Apabila interaksi sosial tradisional gagal memenuhi keperluan ini, individu beralih kepada teknologi yang menawarkan ciri empati dan kehadiran sosial, menjadikannya pengganti yang mampu memberikan rasa selamat dan sokongan emosi. Kajian oleh Yang dan Oshio (2025) mengukuhkan hujah ini dengan membangunkan skala *Experiences in Human-AI Relationships Scale* (EHARS) untuk mengukur pengalaman hubungan kecerdasan buatan (AI)-manusia. Kajian tersebut menyatakan bahawa dimensi seperti *attachment anxiety* dan *attachment avoidance* juga wujud dalam interaksi dengan kecerdasan buatan (AI). Hal ini menunjukkan bahawa hubungan dengan kecerdasan buatan (AI) bukan sekadar utilitarian, tetapi boleh menyerupai fungsi kebergantungan dalam hubungan manusia.

Dalam konteks Malaysia, dapatan ini relevan kerana tekanan budaya untuk berkahwin dan stigma terhadap individu bujang menjadikan kecerdasan buatan (AI) sebagai alternatif yang memenuhi keperluan psikologi tanpa risiko penolakan. Norma sosial di Malaysia sering memberi persepsi negatif kepada individu yang belum berkahwin, khususnya wanita berusia atau lelaki yang dianggap terlambat berkahwin. Menurut laporan SeaAsia Stats, Malaysia merekodkan 44.68 peratus penduduk berstatus bujang, meletakkannya di tempat ketiga tertinggi di Asia Tenggara selepas Filipina dan Brunei (SeaAsia Stats, 2024). Kajian oleh Faudziah dan Mustafar (2019) mendapati bahawa stigma masyarakat terhadap wanita bujang lewat usia, termasuk pelabelan negatif dan tekanan sosial menyebabkan gangguan emosi serta tekanan psikologi yang ketara (Faudziah & Mustafar, 2019). Data rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa bilangan perkahwinan di Malaysia menurun daripada 215,022 pada tahun 2022 kepada 188,100 pada tahun 2023, iaitu penurunan sebanyak 12.5 peratus (DOSM,

2024). Dalam tempoh yang sama, median umur perkahwinan pertama kekal pada 27 tahun bagi wanita dan 28 tahun bagi lelaki, menunjukkan trend kelewatan perkahwinan dalam kalangan generasi muda (DOSM, 2024). Tekanan menuju perkahwinan ini turut dipengaruhi faktor budaya dan keluarga, memandangkan masyarakat Malaysia masih menganggap perkahwinan sebagai tanda kematangan dan pencapaian hidup (Faudziah & Mustafar, 2019). Pengaruh media sosial yang memaparkan perkahwinan sebagai simbol kejayaan turut memperkukuh norma ini dan menyumbang kepada tekanan emosi terhadap individu bujang khususnya wanita.

Dalam budaya yang mementingkan keharmonian dan sokongan emosi, individu bujang yang tidak memenuhi jangkaan ini berisiko mengalami kesunyian dan rasa terpinggir. Tambahan pula, dalam masyarakat yang semakin sibuk dengan tuntutan kerja dan urbanisasi, peluang untuk membina hubungan sosial berkualiti semakin berkurang. Kecerdasan buatan (AI) menjadi saluran alternatif untuk memenuhi keperluan psikososial tersebut. Oleh itu, kebergantungan emosi terhadap kecerdasam buatan (AI) bukan sekadar fenomena teknologi, tetapi merupakan maklum balas adaptif terhadap tekanan budaya, peranan keluarga, pengaruh adat, dan keperluan psikologi yang mendalam dalam masyarakat Malaysia.

Selain itu, gaya kelekatan turut memainkan peranan penting dalam menjelaskan mengapa sesetengah individu lebih mudah membentuk ikatan dengan kecerdasan buatan (AI). Teori Kelekatan Bowlby (1980) sering menekankan hujah bahawa individu dengan gaya kebergantungan cemas mempunyai keperluan tinggi terhadap rasa aman dan keterhubungan, menjadikan mereka lebih sensitif terhadap ancaman penolakan dalam hubungan manusia sebenar. AI *companions* memenuhi keperluan ini kerana sifatnya yang maklum balas, konsisten, dan sentiasa tersedia, tanpa menuntut sikap bertolak ansur atau menimbulkan risiko konflik (Sharpe & Ciriello, 2024). Tambahan pula, berdasarkan perspektif *Uses and Gratifications Theory* menyokong bahawa pengguna akan terus berinteraksi dengan teknologi apabila ia memenuhi keperluan psikologi yang dikehendaki. Oleh itu, kecerdasan buatan (AI) bukan sahaja mengurangkan kebimbangan sosial, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme pengganti yang mengisi kekosongan hubungan interpersonal, menjadikan ikatan ini lebih kukuh berbanding interaksi manusia yang sarat dengan ketidakpastian.

Gabungan gaya kelekatan dan faktor antropomorfisme serta interaksi parasosial memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kebergantungan emosi dengan kecerdasan buatan (AI). Individu dengan gaya kelekatan cemas yang cenderung mencari kestabilan emosi, akan mendapati kecerdasan buatan (AI) memenuhi keperluan tersebut. Pada masa yang sama, antropomorfisme menjadikan kecerdasan buatan (AI) kelihatan seperti manusia, manakala interaksi pseudo-sosial mencipta ilusi keintiman digital yang menyerupai hubungan sebenar.

Rajah 3 mengilustrasikan hubungan antara keperluan psikologi manusia dan ciri reka bentuk kecerdasan buatan AI yang menghasilkan kebergantungan emosi kukuh. Berdasarkan Teori Kelekatan Bowlby (1969; 1980), individu yang mencari sokongan emosi, keselamatan psikologi dan kehadiran maklum balas cenderung membentuk kebergantungan kepada entiti yang memenuhi keperluan tersebut. Antropomorfisme dan interaksi pseudo-sosial bertindak sebagai titik permulaan, di mana pengguna mula memperlakukan kecerdasan buatan (AI) seolah-olah ia mempunyai sifat manusia. Kajian empirikal mendapati bahawa apabila kecerdasan buatan (AI) menunjukkan ciri-ciri tersebut, maka ia menguatkan lagi kebergantungan yang terbina (Zhang et al., 2025). Penyelidikan dalam hubungan pertemanan manusia dan kecerdasan buatan (AI) mendapati bahawa hubungan ini cenderung berkembang melalui proses pseudo-sosial yang berasal daripada simulasi keintiman (Brandtzæg et al., 2022). Ilusi kehangatan dan keintiman ini boleh menjadi semakin kuat sehingga boleh menyaingi hubungan dengan manusia sebenar dalam fungsi emosinya (Nature, 2025). Oleh itu, rajah ini bukan sahaja relevan, tetapi juga selari dengan teori dan bukti empirikal terkini mengenai hubungan manusia-kecerdasan buatan-AI.



Sumber: Diadaptasi daripada Bowlby (1969; 1980), Reeves dan Nass (1996) dan Brandtzaeg et al. (2022)

Rajah 3: Ilustrasi Hubungan Gaya Kebergantungan Emosi Dengan Kecerdasan Buatan (AI)

4.3 *Implikasi Psikososial Terhadap Norma Sosial dan Budaya*

Fenomena kebergantungan emosi terhadap AI *companions* membawa implikasi psikososial yang mendalam apabila interaksi berlebihan dengan kecerdasan buatan (AI) digunakan sebagai menggantikan peranan hubungan manusia sebenar. Dapatan empirikal menunjukkan bahawa AI *companions* mampu memberikan kelegaan emosi dan mengurangkan rasa kesunyian dalam jangka pendek, namun hubungan sedemikian terbukti tidak memadai untuk menggantikan fungsi sokongan sosial manusia yang sebenar. Kajian lepas mendapati bahawa walaupun individu memperoleh hiburan, pengesahan emosi dan rasa ditemani daripada AI *companions*, namun interaksi yang kerap atau mendalam dengan sistem ini sering dikaitkan dengan tahap kesejahteraan psikologi yang lebih rendah, terutama apabila individu itu mempunyai rangkaian sosial manusia yang terhad (Zhang et al., 2025). Selain itu, Turkle (2024) menegaskan bahawa AI *companions* hanya menawarkan keintiman tiruan yang tidak dapat menggantikan empati, kerumitan hubungan manusia sebenar, serta fungsi sokongan sosial yang hadir dalam interaksi interpersonal (Turkle, 2024). Bahkan, apabila individu itu mula memindahkan keperluan emosi kepada kecerdasan buatan (AI), kesejahteraan mereka akan cenderung merosot apabila hubungan sosial dengan dunia sebenar semakin berkurang (Zhang et al., 2025).

Dalam jangka panjang, hubungan emosi dengan AI *companions* yang berterusan akan mewujudkan fenomena *deskilling sosial*. Hal ini berlaku apabila individu terbiasa dengan maklum balas yang konsisten, empati dan tidak menghakimi daripada kecerdasan buatan (AI), sehingga mengurangkan toleransi mereka terhadap kerumitan hubungan manusia sebenar yang memerlukan sikap bertolak ansur, empati dua hala, dan kemampuan menghadapi konflik. Andoh (2026) menekankan bahawa peningkatan pergantungan kepada AI *companions* mencipta bentuk keintiman generatif yang selesa tetapi tidak mencerminkan keperluan sebenar hubungan manusia, seterusnya menghakis kemampuan untuk membina hubungan mendalam dengan manusia lain. Liu et al. (2026) turut membuktikan bahawa pengguna yang sering berinteraksi dengan AI *companions* melalui perbualan emosi yang berulang cenderung mengaktifkan ciri kebergantungan psikologi yang sama seperti hubungan manusia, khususnya dalam kalangan individu yang mengalami kesunyian atau kekurangan sokongan emosi. Oleh itu, peralihan ke arah keintiman digital melalui AIFS berpotensi mengganggu perkembangan kemahiran sosial yang penting untuk kesejahteraan psikologi dan interaksi interpersonal.

Implikasi budaya yang timbul daripada AIFS juga tidak dapat disangkal, khususnya dalam konteks Malaysia yang mengangkat nilai kekeluargaan, perkahwinan dan keakraban sosial sebagai asas norma budaya. Dalam masyarakat yang menekankan interaksi bersemuka dan hubungan keluarga yang kukuh,

hubungan pseudo-sosial antara manusia dan AI *companions* berupaya mengubah norma interaksi sosial dan menstruktur semula jangkaan terhadap hubungan manusia sebenar (Adewale & Muhammad, 2025). Pengguna mula melihat kecerdasan buatan (AI) sebagai "ruang selamat" untuk meluahkan perasaan dan mencari kedekatan emosi mencipta satu pola tingkah laku yang berpotensi mencabar fungsi sokongan tradisional seperti keluarga, rakan dan komuniti (Brandtzæg et al., 2022).

Bagi memahami bagaimana perubahan psikososial dan budaya ini berlaku, satu kerangka konseptual dicadangkan untuk menjelaskan hubungan antara tiga komponen utama, iaitu faktor psikologi, ciri reka bentuk kecerdasan buatan (AI), dan konfigurasi budaya Malaysia. Pertama, faktor psikologi seperti kesunyian, tekanan emosi, dan kekurangan sokongan sosial berfungsi sebagai pencetus awal yang mendorong individu mencari hubungan alternatif melalui AI *companions*, sebagaimana yang dijelaskan dalam dapatan kajian Fang et al. (2025). Kedua, ciri reka bentuk kecerdasan buatan (AI) yang meniru ciri sosial manusia, seperti maklum balas empati, penyesuaian, kehadiran sosial dan memori perbualan, meningkatkan persepsi keaslian hubungan (Zhang et al., 2025). Ketiga, dalam konteks budaya Malaysia yang menekankan nilai kekeluargaan dan interaksi bersemuka, tekanan sosial, norma gender, dan jangkaan peranan keluarga menjadi faktor budaya yang menguatkan atau mempercepatkan pergantungan kepada AI *companions* (Adewale & Muhammad, 2025; Brandtzæg et al., 2022).



Conceptual Framework: AI Friendship Context

Sumber: Diadaptasi daripada Bowlby (1969, 1980); Rogers (2003); Reeves & Nass (1996); Brandtzæg, Skjuve, & Følstad (2022); Zhang, Zhao, Hancock, Kraut, & Yang (2025); Liu, Lo, Wen, Sun, & Wei (2026); Nature (2025); Andoh (2026)

Rajah 4: Kerangka Konseptual Implikasi AIFS dalam Konteks Malaysia

Kerangka ini menghubungkan tiga komponen utama, iaitu faktor psikologi (contoh: kesunyian), ciri reka bentuk kecerdasan buatan (AI) (maklum balas empati, penyesuaian, memori/kehadiran sosial), dan konfigurasi budaya tempatan (norma kekeluargaan, harapan perkahwinan) yang mendorong kepada kebergantungan emosi terhadap AI (AIFS) dan membawa implikasi sosial-budaya (pergeseran norma keintiman, penggantian sokongan keluarga, dan perubahan jangkaan interpersonal). Anak panah "*feedback loop*" menggambarkan bagaimana perubahan norma budaya meningkatkan penerimaan kecerdasan buatan (AI) dan mempengaruhi semula faktor psikologi/tingkah laku individu. Kerangka konseptual ini bukan sahaja menerangkan bagaimana AIFS terbentuk, tetapi juga bagaimana fenomena ini menimbulkan implikasi sosial dan budaya yang lebih luas. Apabila kebergantungan emosi terhadap kecerdasan buatan (AI) mula mengubah nilai keintiman, kebergantungan dan autonomi emosi, norma budaya serta struktur keluarga turut berubah secara beransur-ansur. Perubahan ini mencipta satu *"feedback loop",* di mana peningkatan penerimaan sosial terhadap AI *companions* memperkukuh lagi

penggunaan dan kebergantungan emosi, seterusnya memperluas perubahan terhadap norma budaya. Dalam konteks Malaysia, interaksi kompleks antara faktor psikologi, reka bentuk kecerdasan buatan (AI) dan norma budaya mencipta satu ekosistem hubungan baharu yang memerlukan pemantauan, pendidikan literasi digital dan intervensi dasar agar teknologi menyokong kesejahteraan manusia tanpa menghakis nilai budaya, sokongan komuniti dan hubungan kekeluargaan yang menjadi asas identiti sosial.

5. Kesimpulan

Fenomena AI *Friendship Syndrome* (AIFS) menandakan perubahan besar dalam landskap hubungan manusia apabila kebergantungan emosi mula terbentuk antara pengguna dan AI *companions* yang direka dengan ciri empati, penyesuaian dan kehadiran sosial yang tinggi. Bukti empirikal menunjukkan bahawa hubungan ini sering didorong oleh faktor psikologi seperti kesunyian, tekanan emosi, dan kekurangan sokongan sosial, di samping diperkukuh oleh mekanisme antropomorfisme dan kemampuan kecerdasan buatan (AI) meniru interaksi interpersonal secara konsisten (Adewale & Muhammad, 2025; Brandtzæg et al., 2022). Kerangka konseptual yang dibangunkan dalam kajian ini menghimpunkan interaksi antara faktor psikologi, ciri reka bentuk kecerdasan buatan (AI) dan konfigurasi budaya Malaysia untuk menjelaskan bagaimana AIFS bukan sahaja memberi kesan pada individu, tetapi turut mencabar norma budaya, struktur keluarga dan jangkaan sosial yang telah lama berakar. Kerangka ini menekankan kewujudan *feedback loop* budaya, di mana perubahan norma akibat hubungan manusia-kecerdasan buatan (AI) meningkatkan lagi penerimaan sosial terhadap AI *companions*, seterusnya memperkukuh fenomena kebergantungan tersebut. Justeru, kajian ini menegaskan keperluan mendesak untuk menilai semula kesan teknologi terhadap identiti budaya, kesejahteraan psikososial dan masa depan hubungan manusia dalam ekosistem digital yang semakin kompleks.

Rujukan

Abdul Hamid, M. S. A., Zaini, F., & Zanudin, K. (2026). Digital interventions as social support for adolescent psychosocial development and educational policy Malaysia: A conceptual review. *Journal of Advanced Research Design, 143*(1), 135–147

Adewale, M. D., & Muhammad, U. I. (2025). From virtual companions to forbidden attractions: The seductive rise of artificial intelligence love, loneliness, and intimacy-A systematic review. *Journal of Technology in Behavioral Science*. https://link.springer.com/article/10.1007/s41347-025-00549-4

Andoh, E. (2026, January). AI chatbots and digital companions are reshaping emotional connection. *Monitor on Psychology, 57*(1). https://www.apa.org/monitor/2026/01-02/trends-digital-ai-relationships-emotional-connection

Bowlby, J. (1969). *Attachment and loss: Vol. 1. Attachment*. Basic Books.

Bowlby, J. (1980). *Attachment and loss: Vol. 3. Loss, sadness and depression*. Basic Books.

Brandtzaeg, P. B., Skjuve, M., & Følstad, A. (2022). My AI friend: How users of a social chatbot understand their human–AI friendship. *Human Communication Research, 48*(3), 404–429. https://doi.org/10.1093/hcr/hqac008

Choo, M. Y., Ng, C. Y., & Cheong, C. Y. (2024). Exploring the modern Malaysian marriage: Understanding the relationship of gender role attitudes, attitudes toward childbearing, family functioning and attitudes toward marriage among young adults in Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia, 38*(2), 90–106. https://spaj.ukm.my/ppppm/jpm/article/view/782

Collins, N. L., & Feeney, B. C. (2004). Working models of attachment shape perceptions of social support: Evidence from experimental and observational studies. *Journal of Personality and Social Psychology, 87*(3), 363–383. https://doi.org/10.1037/00223514.87.3.363

Department of Statistics Malaysia. (2024, November 21*). Marriage and divorce, 2024*. https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/marriage-and-divorce-2024

De Freitas, J., Oğuz-Uğuralp, Z., Uğuralp, A. K., & Puntoni, S. (2025). AI companions reduce loneliness. *Journal of Consumer Research*. https://doi.org/10.1093/jcr/ucaf040

Fang, C. M., Liu, A. R., Danry, V., et al. (2025). *How AI and human behaviors shape psychosocial effects of extended chatbot use: A longitudinal controlled study*. MIT Media Lab

Hamzah, M., Sinniah, G. K., Rusli, N., & Jamaludin, N. H. I. (2024). Exploring the relationship between urban density and mental well-being in five major cities in Malaysia. *Malaysian Journal of Sustainable Environment, 11*(1), 209–228.

Malfacini, K. (2025). The impacts of companion AI on human relationships: Risks, benefits, and design considerations. *AI & Society, 40*, 5527–5540. https://link.springer.com/article/10.1007/s00146-025-02318-6

Reeves, B., & Nass, C. (1996). *The media equation: How people treat computers, television, and new media like real people and places.* CSLI Publications/Cambridge University Press. https://psycnet.apa.org/record/1996-98923-000

Robb, M. B., & Mann, S. (2025). *Talk, trust, and trade-offs: How and why teens use AI companions. Common Sense Media.* https://www.commonsensemedia.org/research/talk-trust-and-trade-offs-how-and-why-teens-use-ai-companions

Rogers, E. M. (2003). *Diffusion of innovations* (5th ed.). Free Press.

SeaAsia Stats. (2024, February 27). *Malaysia berada di tempat ketiga dalam kalangan negara Asia Tenggara yang mempunyai paling ramai individu yang masih belum berkahwin. Majlis Keselamatan Negara*. https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/02/27/malaysia-berada-di-tempat-ketiga-dalam-kalangan-negara-asia-tenggara-yang-mempunyai-paling-ramai-individu-yang-masih-belum-berkahwin/

Sharpe, P., & Ciriello, R. F. (2024, December 4–6). Exploring attachment and trust in AI companion use. *In ACIS 2024 Proceedings* (Paper No. 49). AIS eLibrary. https://aisel.aisnet.org/acis2024/49/

Short, J., Williams, E., & Christie, B. (1976). *The social psychology of telecommunications*. Wiley.

Telenor Asia. (2025). *Digital Lives Decoded 2025: Building trust in Malaysia's AI future* (Malaysia insights). https://www.telenorasia.com/digitallivesdecoded/malaysia/

The Malaysian Reserve. (2025, August 14). *Study: 89% of Malaysians used AI daily — Telenor Asia*. https://themalaysianreserve.com/2025/08/14/study-89-of-malaysians-used-ai-daily-telenor-asia/

Turkle, S. (2024). *Who do we become when we talk to machines? MIT Generative AI Project.* https://doi.org/10.21428/e4baedd9.caa10d84

Turkle, S. (2024, March 27). Lifting a few with my chatbot: Sociologist Sherry Turkle warns against growing trend of turning to AI for companionship. *Harvard Gazette*. https://news.harvard.edu/

Wiser.my. (2025, Ogos 15). *89% pengguna internet Malaysia kini guna AI*. https://wiser.my/89-peratus-pengguna-internet-malaysia-guna-ai-kajia

WizCase. (2025, February 13). *AI companions fill emotional void for China's youth, raising ethical concerns*. https://www.wizcase.com/

Zhang, Y., Zhao, D., Hancock, J. T., Kraut, R., & Yang, D. (2025). *The rise of AI companions: How human–chatbot relationships influence well-being*. https://arxiv.org/abs/2506.12605